

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**ANALISIS KOMPONEN MAKNA KATA ADJEKTIF DERIA BAHASA MELAYU**

**SALIH AH BT AB. PATAH**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2004**

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

22.06.2004

.....  
SALIH AH BT AB. PATAH  
200200714



## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya bersyukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyempurnakan penulisan disertasi yang bertajuk Analisis Komponen Makna Kata Adjektif Deria Bahasa Melayu bagi memenuhi sebahagian syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia, Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood, yang sudi menyelia dengan ikhlas, tekun dan sabar sehingga kajian ini siap ditulis.

Seterusnya, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdullah Hassan selaku Penasihat Akademik yang banyak membimbing saya sepanjang mengikut pelbagai kursus. Tidak lupa juga, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan Jabatan Peristilahan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana bantuan yang diberikan.

Akhir sekali, ucapan ribuan terima kasih saya tujukan kepada suami, Ajmain bin Md Nadzar serta ibu bapa saya yang banyak berkorban sepanjang saya mengikut program Sarjana Pendidikan di UPSI, dan semua ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan dan kesejahteraan saya. Segala bantuan dan pengorbanan mereka akan saya abadikan dalam ingatan.

Wassallam.

## ABSTRAK

Tesis ini mengkaji kata adjektif pancaindera dalam bahasa Melayu. Sebanyak 35 kata adjektif pancaindera telah dipilih. Kajian ini telah menggunakan analisis komponen makna bagi menganalisis setiap kata adjektif pancaindera. Analisis komponen makna ini bertujuan menganalisis dan menginterpretasikan makna setiap kata berdasarkan bilangan kesamaan fitur yang dikongsi bersama. Kata yang mempunyai darjah kesinoniman yang tinggi cenderung berkongsi bilangan fitur yang banyak dibandingkan dengan kata yang rendah darjah kesinonimannya. Kesinoniman kata dapat dilihat dengan jelas berdasarkan bilangan kesamaan fitur yang ditandai lambang [ + ].

Kajian ini juga mendapati terdapat kata yang tidak berkongsi sebarang fitur makna umum mahupun fitur diagnostik. Berikutnya, setiap kata adjektif diinterpretasikan pula dalam kaedah kolokasi. Hal ini merujuk kepada penggunaan perkataan dalam konteks ayat dan seterusnya memperlihatkan taburan makna perkataan yang akan dikaji. Penggantian lexis-lexis ini dalam ayat bertujuan untuk memperlihatkan perbezaan makna berdasarkan perbezaan persekitaran linguistik yang mungkin berlakunya perbezaan makna perkataan yang dikaji.

Seterusnya, setiap kata adjektif ditentusahkan pula dalam konteks ayat yang dipilih daripada Data Korpus Berkomputer (DKB). Pemilihan DKB adalah untuk melihat perluasan kata adjektif pancaindera kepada mandala konsepsi pancaindera lain iaitu deria bau, rasa, penglihatan, pendengaran dan sentuhan. Berdasarkan penginterpretasian ayat, didapati terdapat perluasan dalam kata adjektif pancaindera. Kajian ini juga mendapati, perluasan kata adjektif bukan sahaja di dalam lingkungan 5 jenis pancaindera tadi tetapi juga merujuk kepada makna bukan pancaindera. Hal ini dapat dikesan apabila kehadiran kata adjektif yang dikaji merujuk kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku manusia.

## ABSTRACT

This thesis aims to study adjectives in the Malay language with particular focus on adjectives related to senses. 38 adjectives have been chosen as sample for this study. Component meaning analysis is used to analysis the adjectives related to senses. This component meaning analysis aims to analyse and interpret the meaning of every word based on the similarity of the features which is shared by these words. Words with high levels of synonymity leads to share a number of fetures compared to a low level of synonymity. The synonymity of words can be seen clearly based on the similarity of features with is symbolised as [ + ].

This study also reveals that there are words that neither share any general meaning features nor diagnostic features. Every adjective is interpreted using collocation methodology. This refers to the utilisation of words in sentences contexts and reveals the meaning of the words that are being studied based corpus data from Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). The substituion of lexics in sentences aims to show the differences of meanings based on the various linguistics and enviroment.

More over every adjective is categorised based on computer corpus data. Computer corpus data is chosen to expose to what extend the 'senses' adjectives is related to the concept of the senses such as smell, taste, vision, hear and touch. Based on sentece interpretation, it is found that there is a wide use of adjectives related to senses. This study also found that the wide of adjectives is not withing the perimetre of the five senses but also refers to meaning not related to senses. This can be traced when there are presence of adjectives with refer to thoughts, feeling and behaviour.

**KANDUNGAN**

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
<b>BAB 1      PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Batasan Kajian	7
1.6 Persoalan Kajian	8
1.7 Definisi Operasional	8
1.7.1 Kajian	9
1.7.2 Takrifan Kata Adjektif Bahasa Melayu	10
1.7.3 Leksikal	15
1.7.4 Semantik	15
1.7.5 Analisis Komponen Makna (AKM)	17
1.7.6 Pendekatan Kolokasi	22
1.7.7 Jenis-jenis Perkaitan Makna	24
1.7.7.1 Perkaitan Rangkuman	25
1.7.7.2 Perkaitan Tumpang Tindih	26
1.7.7.3 Perkaitan Saling Melengkapi	28

1.7.7.4	Perkaitan Kontiguiti	29
1.7.8	Data Korpus Berkomputer (DKB)	30
1.8	Kesimpulan	33
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	35
2.2	Kajian Literatur yang Berkaitan	36
2.2.1	Kajian Literatur Terhadap Kata Adjektif Bahasa Melayu	36
2.2.2	Kajian Literatur Terhadap Semantik Leksikal	90
2.3	Rumusan Kajian Literatur	96
2.3.1	Analisis Kritis	100
2.3.2	Pertalian Antara Kajian Literatur dan Permasalahan Kajian	102
2.4	Kesimpulan	104
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	107
3.2	Reka Bentuk Kajian	108
3.3	Penerapan Teori Semantik Leksikal	111
3.3.1	Kajian Analisis Komponen Makna	111
3.3.1.1	Komponen–komponen Makna	115
3.3.1.2	Jenis-Jenis Komponen	118
3.3.2	Kajian Kolokasi	124
3.4	Prosedur-Prosedur dalam Analisis Komponen Makna (AKM)	127
3.4.1	Pemilihan	127
3.4.2	Penentuan Jenis Referen	128

3.4.3	Penentuan Komponen	129
3.4.4	Penentuan Komponen Diagnostik	129
3.4.5	Pemeriksaan Semula	130
3.4.6	Penghuraian Ciri-ciri Diagnostik	130
3.5	Pendekatan Analisis Data	130
3.6	Kesimpulan	134
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	135
4.2	Analisis Data	135
4.2.1	Analisis Komponen Makna (AKM)	137
4.2.2	Analisis Kolokasi	149
4.2.3	Analisis Perluasan Semantik	160
4.3	Kesimpulan	203
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	204
5.2	Kesimpulan	205
5.3	Cadangan	210

*Bibliografi*



**SENARAI JADUAL**

Jadual	muka surat
1.2 Perbezaan Makna Perkataan	28
2.1 Hubungan Kata Sifat dengan Unsur-unsur Keterangan	71
2.2 Struktur Golongan Kata Sifat	71
2.3 Kata Adjektif Dalam Bentuk Perbandingan	81
4.1 Kata Adjektif Deria Rasa Berpola Positif	138
4.2 Kata Adjektif Deria Rasa Berpola Negatif	139
4.3 Kata Adjektif Deria Sentuh Berpola Positif	140
4.4 Kata Adjektif Deria Rasa Berpola Negatif	141
4.5 Kata Adjektif Deria Bau Berpola Positif	142
4.6 Kata Adjektif Deria Bau Berpola Negatif	143
4.7 Kata Adjektif Deria Pandang Berpola Positif	144
4.8 Kata Adjektif Deria Pandang Berpola Negatif	145
4.9 Kata Adjektif Deria Bunyi Berpola Positif	146
4.10 Kata Adjektif Deria Bunyi Berpola Negatif	147
5.1 Senarai Keseluruhan Kata Adjektif Deria	208

**SENARAI RAJAH**

Rajah	muka surat
1.1 Analisis Komponen Kata	19
4.1 Kecenderungan kesinoniman kata berdasarkan AKM	149
4.2 Perluasan Semantik Kata Manis	163
4.3 Perluasan Semantik Kata Sedap	165
4.4 Perluasan Semantik Kata Lemak	166
4.5 Perluasan Semantik Kata Lazat	167
4.6 Perluasan Semantik Kata Masam	169
4.7 Perluasan Semantik Kata Pahit	171
4.8 Perluasan Semantik Kata Tawar	172
4.9 Perluasan Semantik Kata Masin	174
4.10 Perluasan Semantik Kata Lembut	176
4.11 Perluasan Semantik Kata Lembap	177
4.12 Perluasan Semantik Kata Licin	179
4.13 Perluasan Semantik Kata Halus	181
4.14 Perluasan Semantik Kata Kasar	183
4.15 Perluasan Semantik Kata Keras	185
4.16 Perluasan Semantik Kata Kesat	186
4.17 Perluasan Semantik Kata Wangi	187
4.18 Perluasan Semantik Kata Busuk	191
4.19 Perluasan Semantik Kata Cantik	193
4.20 Perluasan Semantik Kata Buruk	197

4.21	Perluasan Semantik Kata Lunak	200
4.22	Perluasan Semantik Kata Nyaring	201
4.23	Perluasan Semantik Kata Bising	201



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Terdapat banyak pandangan yang dikemukakan oleh ahli bahasa tentang makna. Kajian makna sentiasa mengacu kepada semantik. Ilmu semantik sememangnya bidang linguistik yang khas mengkaji selok belok makna kata. Bidang ini melihat (ujaran atau tulisan) dari segi kebermaknaan. Oleh itu, semantik telah memberi sumbangan yang besar dalam mendeskripsikan makna kata dalam sesuatu bahasa.

Secara semantik, bahasa difahami melalui komponen makna yang ada dalam kata. Menurut F.H. George (1964), bahasa amat kabur, dan untuk mengelakkan kekaburan dalam bahasa, aspek kejelasan dan ketepatan haruslah diutamakan, dan hal ini menjadi amat penting. Justeru, aspek makna haruslah diambil kira kerana tanpa unsur makna, sesuatu ujaran atau tulisan tidak akan bererti, atau dengan kata lain, komunikasi tidak akan tercapai dengan sepenuhnya.

Sebagai suatu unsur yang dinamik juga, bahasa sentiasa dianalisis dan didekati dengan menggunakan pelbagai pendekatan untuk mengkajinya. Antara pendekatan yang dapat digunakan ialah pendekatan makna (Nathesan Sellappan, 2001: 21).

Menurut (Nor Hashimah Jalaluddin, 2001: 398-422) penerapan ilmu semantik akan membantu menyelesaikan masalah definisi makna secara amnya dan kelingkaran makna khususnya dalam kamus. Bidang makna atau semantik, yang sebenarnya menjadi sebahagian daripada ilmu linguistik ini, menjadi suatu hal yang amat penting memandangkan hal kebahasaan tidak akan sempurna jika tidak ada unsur makna (Nathesan Sellappan, 2001: 21).

Menjurus pada makna kata, Wittgenstein (1953: 20) menegaskan bahawa:

*... makna kata tidak dapat diketahui kecuali dilihat dalam penggunaannya atau dalam konteks penggunaannya.*

Teo Kok Seong (1998: 40) menambah:

*... untuk mencari makna leksikal yang tepat, seorang pengkaji haruslah mencerap segala faktor yang tercetus sewaktu penggunaan, pengetahuan tentang alam sekeliling, pengalaman, kebudayaan, konteks, emosi dan sebagainya. Dengan itu, kita akan dapat melihat dengan jelas makna leksikal dan hubungannya dengan beberapa hal lain selain rujukannya.*

Seterusnya Ruth Kempson (1989: 37 (terjemahan Zaiton Ab Rahman)) menegaskan bahawa:

*Perkataan bukanlah satu unit linguistik yang dapat didefinisi dengan jelas. Dalam beberapa hal, ia didefinisikan semata-mata menurut kebiasaan dan maknanya diteka daripada leksem-leksem yang hadir bersama dengannya.*

Pendapat-pendapat di atas dengan jelas menunjukkan bahawa makna atau semantik adalah antara bidang linguistik yang amat penting selain morfologi dan sintaksis. Untuk mengetahui makna leksikal beberapa banyak faktor perlu diambil kira yang antaranya termasuklah penggunaan, pengetahuan alam sekeliling, pengalaman, kebudayaan, konteks, emosi dan sebagainya. Walaupun bidang makna amat penting, kajian yang telah diterbitkan dalam bahasa Melayu terutamanya yang mengkaji aspek semantik khususnya semantik leksikal sangat sedikit dijalankan (Nathesan Sellappan, 2003: 217).

Atas dasar inilah maka penulis memilih untuk mengkaji makna leksikal atau perkataan khususnya kata adjektif dalam bahasa Melayu.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Kajian menunjukkan bahawa kesalahan penggunaan makna perkataan atau istilah berlaku bukan sahaja di kalangan pelajar-pelajar bukan bumiputera, tetapi juga di kalangan pelajar-pelajar bumiputera. Namun begitu, apabila dibanding dengan kekerapan didapati pelajar-pelajar bukan bumiputera, terutama pelajar-pelajar Cina lebih banyak melakukan kesalahan dalam bidang ini (Abdul Hamid Mahmood, 1993: 106). Dengan itu, tidak hairanlah banyak kajian semantik dijalankan di negara ini. Antara bidang yang mendapat perhatian termasuklah ujian sama ada eksplisit mahupun implisit, bahasa figuratif seperti metafora dan ironi, terjemahan dan hubungan antara makna sintaksis. Kajian semantik

dalam pengajaran ada juga dilakukan. Antara yang aktif menulis mengenai hubungan semantik dengan pengajaran (khususnya penulisan) termasuklah Khadijah Abdul Hamid. Beliau banyak membicarakan perihal konsep kohesi dan koheran dalam penulisan bahasa Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin, 1998).

Bertitik-tolak dengan permasalahan yang dinyatakan tadi, pelajar-pelajar perlu tahu dan perlu diajar bukan sahaja tentang makna atau erti perkataan dalam bahasa Melayu malah lebih penting daripada itu ialah mereka perlu diajar tentang bagaimana perkataan memainkan peranannya dalam ayat supaya hasrat komunikasi dapat disampaikan secara jelas dan berkesan. Sehubungan dengan perkara ini, Virginia French Allen (1983: 29) mengatakan bahawa:

*In addition to knowing words and their meanings, one must know also how words work together in sentences.*

Pengkaji menyokong kuat pandangan Virginia French Allen tentang hal tersebut. Sungguhpun pelajar-pelajar boleh merujuk kamus untuk menyemak kamus sesuatu perkataan, namun perkara itu belum boleh menjamin yang mereka dapat menggunakannya dalam ayat-ayat apabila mereka bercakap atau menulis. Hal ini dapat dikatakan demikian kerana biasanya kamus hanya memberi makna perkataan secara definisi atau secara denotatif. Biasanya erti teks atau konteks wacana tidak diberikan dalam kamus. Erti sesuatu perkataan dalam bahasa Melayu mungkin berubah daripada bercorak denotatif kepada yang bercorak konotatif menurut konteks atau teks wacana

iaitu ayat dalam pertuturan atau ayat paragraf dalam penulisan (Abd Aziz Abd Talib, 2000: 194).

Kajian yang tidak kurang penting dalam semantik ialah mengenai makna kata adjektif dalam bahasa Melayu. Persoalan pertama mengapa kata adjektif dipilih? Kajian tentang kata adjektif dalam bahasa Melayu ini perlu dilakukan kerana ia memberikan implikasi yang cukup besar terhadap makna ujaran, tulisan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan dalam bidang penterjemahan. Persoalan kedua mengapa pendekatan semantik yang dipilih? Mengapa tidak ilmu morfologi atau sintaksis? Dalam hubungan ini bolehlah dikatakan bahawa definisi bagi perkataan-perkataan yang terkandung dalam sesebuah kamus itu adalah sejenis analisis komponen semantik yang tidak formal, dalam pengertian setiap definisi itu pada asalnya merupakan satu komponen semantik. Bagaimanapun, analisis komponen semantik adalah lebih sistematik jika dibandingkan dengan leksikografi tradisional.

Dua persoalan di atas cukup bagi mewajarkan mengapa kata adjektif yang dipilih sebagai korpus kajian dan mengapa pendekatan semantik yang digunakan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kata dalam bahasa Melayu daripada golongan kata adjektif berlandaskan kajian semantik leksikal. Tegasnya, analisis semantik leksikal yang menggunakan analisis komponen makna dan pendekatan kolokasi dapat menghasilkan



pencerakinan semantik yang lebih sempurna khususnya kajian kata adjektif yang begitu rumit. Secara khusus tesis ini menganalisis dan membandingkan komponen-komponen makna yang didukung oleh kata adjektif tersebut. Ia juga meneliti penggunaan kata adjektif dalam ayat-ayat bahasa Melayu yang berbeza berdasarkan konteks atau keperihalan keadaan. Hasil kajian nanti akan mengemukakan pelbagai perubahan sama ada kata itu mengalami perluasan atau penyempitan makna dan pengejalan makna asal. Penelitian ini akan dilihat dalam data korpus berkomputer.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian mengenai leksikal bahasa Melayu secara tidak langsung menambahkan kosa ilmu terhadap perkembangan ilmu linguistik tempatan amnya dan pendidikan bahasa Melayu khususnya. Selain itu, kajian ini juga dirasakan penting dalam memberi panduan kepada guru-guru yang mengajar subjek kesusasteraan Melayu dan bahasa Melayu. Dapatan kajian ini juga penting kepada peminat dan masyarakat umum yang sukar memahami gambaran sebenar yang diungkapkan oleh penyair dalam menginterpretasikan makna kata dengan tepat, sesuai dengan tema dan alam sekeliling.

Kajian-kajian sebelum ini turut membantu dari segi penambahan kosa ilmu namun kelebihan kajian pengkaji adalah dengan menumpukan penggunaan makna kata adjektif dan kepelbagaian fungsinya dalam beberapa ayat bahasa Melayu. Pengkajian ini akan menampilkan dua pendekatan iaitu analisis komponen makna dan analisis kolokasi. Oleh

itu, kajian ini akan memperlihatkan bagaimana makna bagi sesuatu kata adjektif dapat ditentukan melalui pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh pengkaji. Secara tidak langsung, peranan konteks ayat dalam data yang akan dipaparkan nanti dapat mendedahkan makna kata adjektif dengan lebih mendalam dan tidak terkongkong dengan makna yang diberikan oleh penahu-penahu dalam bidang perkamusan sebelum ini. Pengkajian makna kata adjektif melalui kajian ini akan dapat membantu memperkaya khazanah bahasa Melayu yang perlu berubah dalam arus globalisasi atau pensejagatan.

### **1.5 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya tertumpu pada analisis kata adjektif bahasa Melayu. Daripada kesemua kata adjektif, pengkaji memilih 35 kata adjektif pancaindera sebagai data kajian. Seterusnya, bagi mendapatkan makna kamus kata adjektif yang dipilih untuk tujuan analisis, penulis merujuk sampel daripada Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994). Sungguhpun data yang digunakan terhad kepada kata adjektif pancaindera sahaja, ia tetap dapat menyumbang sesuatu yang lebih mantap pada penghuraian bahasa Melayu secara amnya. Kajian ini akan membincangkan aspek pemaknaan kata adjektif berdasarkan analisis kolokasi dan analisis komponen makna yang memberi pendekatan menarik dalam mengkaji makna kata adjektif secara global berdasarkan data korpus berkomputer, Dewan Bahasa dan Pustaka.

## 1.6 Persoalan Kajian

Untuk mencapai tujuan di atas, kajian ini akan cuba mencari jawapan dan penyelesaian bagi persoalan-persoalan berikut:

- a) Adakah kata adjektif pancaindera itu mempunyai komponen makna yang sama?
- b) Bilakah sesuatu kata adjektif pancaindera itu dikatakan mempunyai persamaan makna atau sinonim?
- c) Adakah kata-kata dalam BM akan membawa makna tertentu atau makna lain apabila berkolokasi dengan perkataan lain?
- d) Adakah konteks ayat mempengaruhi penginterpretasian makna kata adjektif pancaindera?
- e) Adakah berlaku perubahan atau perluasan makna bagi kata BM yang dikaji?

## 1.7 Definisi Operasional

Definisi ini merujuk kepada pengertian serta pemahaman istilah-istilah penting yang digunakan penulis dalam operasi penulisan disertasi ini. Kesemua istilah ini berkaitan rapat dan akan dibuktikan keterikatannya antara satu sama lain. Diharapkan dengan penjelasan makna dan huraian kata yang diberikan akan melancarkan pembacaan atau pemahaman pembaca. Antara timbunan idea yang dikenal pasti secara elektik bagi kajian ini adalah seperti :

### 1.7.1 Kajian

### 1.7.2 Takrifan Kata Adjektif bahasa Melayu

### 1.7.3 Analisis Leksikal

### 1.7.4 Semantik

### 1.7.5 Analisis Komponen Makna yang digasaskan oleh Katz dan Fodor (1963) dan diperluaskan oleh Jackson (1988) dan John Lyons (1968);

### 1.7.6 Pendekatan Kolokasi

### 1.7.7 Jenis-Jenis Perkaitan Makna

### 1.7.8 Data Korpus Berkomputer

#### **1.7.1 Kajian**

Mengikut Kamus Dewan (1993: 517), istilah kajian merujuk kepada kegiatan atau proses mengkaji atau penyelidikan yang secara mendalam atau terperinci terhadap sesuatu pelajaran. Biasanya setiap kajian ini akan membuahkan sesuatu pada akhir kajian sama ada berjaya atau tidak. Manakala Christina Ruse (1995: 531), mendefinisikan “research” sebagai, ‘*detailed study or investigation to discover new facts, get additional information*’ dan ‘*to make a detailed study or investigation of something*’

Sementara itu Hassan Hamzah (1997: 541), mendefinisikan kajian sebagai sesuatu penyelidikan yang mendalam atau terperinci, perolehan pelajaran yang mendalam atau di peringkat tinggi. Lutfi Abas dan Awang Sariyan (1988: 306), Yunus Maris (1984: 306)

dan Amdun Husain (1980: 240) pula menyebut kajian sebagai ‘investigation’ iaitu kegiatan atau usaha mengkaji atau usaha mengkaji atau pengajian.

Quirk (1987: 555) pula menyatakan ‘investigation’ sebagai ‘*to try to find out more information about; examine the reasons for something*’ dan Sinclair (1993: 769) pula menyebut ‘research’ sebagai ‘*activities involve or are concerned with investigation*’. Manakala Hornby (1985: 449) menyebut ‘investigation’ sebagai ‘*careful and through inquiry*’ dan ‘investigate’ sebagai ‘*examine, inquire into; make a careful study of*’.

Sementara kajian bagi disertasi ini bermaksud menganalisis kata-kata adjektif dalam Bahasa Melayu. Nathesan Sellappan (2003: 111) menjelaskan kajian kata atau semantik struktural diberi fitur distingtif tentang sesuatu kata dapat memperlihatkan untuk mengesan hubungan antara fitur tersebut. Dengan memberi yang fitur khas, dapatlah ditentukan perbezaan dan persamaan perkataan.

### **1.7.2 Takrifan Kata Adjektif bahasa Melayu**

Za’ba (1954: 127) membahagikan jenis kata sifat kepada dua, iaitu sifat nama dan sifat kata. Sifat nama menceritakan tentang nama atau ganti nama, contohnya: *budak kecil, baja baharu, anjing itu garang* dan sebagainya.

Sifat kata pula menerangkan kata-kata selain kata nama. Contohnya: datang *lambat*, terbang *tinggi*, baca *lagi* dan sebagainya. Berdasarkan contoh di atas, kata *lambat*, *tinggi* dan *lagi* menerangkan kata selain kata nama iaitu kata kerja datang, terbang dan baca.

Abdullah Hassan (2002: 178) juga bersetuju dengan pandangan Za'ba yang menerangkan kata sifat menceritakan sifat benda (kata nama) dan sifat perbuatan (kata kerja). Menurut Abdullah Hassan, sesuatu kata itu disebut sifat nama atau adjektif jika kata sifat itu menceritakan kata nama. Misalnya: kata *tebal*, *tajam*, *tua* dan *baru* dikenali sifat nama atau adjektif apabila menerangkan kata nama buku, pensel, basikal dan jam. Misalnya,

a) Sifat Nama	b) Sifat Kata
Buku <i>tebal</i>	bercakap <i>perlahan</i>
Pensel <i>tajam</i>	ketawa <i>kuat</i>
Basikal <i>tua</i>	membaca <i>pantas</i>
Jam <i>baru</i>	belajar <i>bersungguh-sungguh</i>

Abdullah Hassan turut menggariskan bagaimana sesuatu kata sifat itu dikenali sebagai kata sifat. Pertama, kata sifat boleh diberi perkataan penguat seperti *sangat*, *amat*, *terlalu*, *benar*, *betul*, *sungguh* dan *sekali*. Kedua, sesuatu kata sifat itu boleh menerima imbuhan *ter-* dan *se-*. Selain itu, untuk mengenali sama ada kata itu dikenali sebagai kata sifat ialah perkataan itu hadir selepas kata nama. Contohnya, kata sifat kerja boleh hadir selepas dan sebelum kata kerja. Misalnya, bercakap *kuat* dan *kuat* bercakap. Walau

bagaimanapun, sifat nama hanya boleh hadir di depan kata nama. Contohnya, rumah *putih* dan bukan *putih* rumah.

Gorys Keraf (1976: 97) pula berpendapat bahawa kata sifat mengambil bentuk se + reduplikasi + nya serta dapat diluaskan dengan kata *paling* dan *sekali*, contohnya: se + cepat + cepat + nya, se + tinggi + tinggi + nya, *lebih sakit, lebih merah, paling sakit* dan *sakit sekali*. Keraf juga dengan tegasnya tidak bersetuju dengan pandangan yang menyatakan kelompok kata sifat sebagai ciri utama yang menjelaskan keterangan nama. Gorys Keraf (1976: 96) beralasan bahawa kelompok kata ‘dengan + kata sifat’ ialah frasa kerja, misalnya dalam ayat *Ia berjalan dengan cepat*. Kita katakan adanya kata sifat *cepat* dalam kelompok kata kerja, iaitu *berjalan dengan cepat*. Class Spat (1986: 66) pula berpendapat bahawa kata sifat bertindak sebagai atribut (penerang) kepada subjek dan berfungsi sebagai predikat. Fungsi ini dapat dilihat daripada contoh yang berikut:

1 ( i ) Rumah itu *besar*

( ii ) Rumahnya yang *besar* itu cantik

Dalam ayat 1(i), kata sifat *besar* berfungsi sebagai predikat sedangkan ayat 1 (ii) ialah berperanan penerang. Daripada penghuraian ayat 1(i) dan ayat 1 (ii), Class Spat (1989) menegaskan kata sifat itu masing-masing berperanan predikat dan penerang setelah dilihat daripada segi kedudukannya dalam ayat. Class Spat (1989) selanjutnya mengatakan yang kata *sekali* boleh ditempatkan selepas kata sifat, misalnya *Rumah itu besar sekali*. Dengan kata lain, Class Spat (mengakui bahawa betapa ada hubungan kata

sifat dengan unsur lain dalam ayat. Hal ini disokong oleh Sutan Muhammad Zain (1954); iaitu ada unsur hubungan dengan inti kata sifat. Unsur hubungan kata sifat itu ialah kata-kata seperti *amat*, *sangat*, *terlalu*, *terlampau* dan *tersangat*. Ada unsur hubungan antara kata-kata itu dengan kata sifat seperti *amat cerdik*, *sangat kaya*, *terlalu pandai*, *terlampau jauh* dan *maha luas*.

Bagi Harimurti Kridalaksana (1982: 3) kata adjektif ialah kata yang menerangkan kata benda. Beliau menambah dengan mengatakan bahawa kata sifat mempunyai ciri yang bergabung dengan kata lain. Contoh yang diberikan ialah *tidak baik*, *tidak jahat*, *lebih baik* dan *sangat cantik*. Samsuri (1982: 245) pula beranggapan bahawa kata sebelum dan selepas inti kata sifat ialah pemandu keterangan dan pemanduan itu mewujudkan kelompok kata sifat (gatra kata sifat).

Asmah Haji Omar (1986: 148) dan Mashudi Kader (1981: 51) pula berpendapat sedemikian kerana kata sifat sebagai subgolongan daripada kata karyaan (verbal) kerana kata kerja dan kata sifat mempunyai fungsi yang sama dalam ayat.

Seterusnya Asmah Haji Omar (1980) membahagikan kata sifat kepada 11 jenis kata sifat sebaliknya Liaw Yock Fang membahagikan kata sifat kepada lima jenis. Pada pandangan Liaw Yock Fang penjenisan kata sifat hendaklah dilihat daripada aspek penanda (marker), tetapi Asmah Haji Omar dan Mashudi Kader melihatnya dari aspek fungsi paradigmatic.